



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “KEPIMPINAN RASULULLAH SAW; BERSIFAT AMANAH DAN TIDAK MENYALAHGUNAKAN KUASA”

29 Oktober 2021 / 22 Rabiul Awwal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

(Surah Al-Ahzab 21)<sup>2</sup>

كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) bagi akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah sebanyak-banyaknya (pada waktu susah dan senang).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ<sup>4</sup> فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kehidupan kita diredhai Allah, di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “KEPIMPINAN RASULULLAH SAW; BERSIFAT AMANAH DAN TIDAK MENYALAHGUNAKAN KUASA”.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Nabi Muhammad SAW ialah contoh terbaik untuk sekalian umat. Setiap perilaku dan peribadi baginda sesuai untuk dicontohi dan dipraktikkan dalam kehidupan kita seharian.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Bertepatan dengan ayat 21 surah Al-Ahzab, Rasulullah SAW adalah sosok tubuh yang paling layak untuk dijadikan ikutan, baik daripada pertuturan, perbuatan, mahupun pengakuan baginda.

Seorang Muslim wajib mengakui bahawa baginda SAW bersifat amanah. Sifat amanah berkait rapat dengan setiap utusan Allah. Hal ini kerana, sifat amanah merupakan bukti kepercayaan dan keluhuran perilaku seseorang. Mana mungkin seorang utusan menyampaikan dakwah jika tiada sifat amanah. Terlalu banyak contoh yang dapat disebutkan mengenai sifat amanah baginda. Baginda sejak kecil lagi menonjolkan sifat amanah ketika menggembala kambing, amanah ketika berniaga, amanah dalam menyampaikan risalah dakwah serta menegakkan kebenaran.

Tambahan pula, kepercayaan baginda turut diakui oleh masyarakat Arab pada zaman baginda, dengan menggelari baginda ‘*Sōdiqul Amīn*’ kerana masyhur dengan sifat amanah. Walau bagaimanapun, setiap daripada kita turut dipertanggungjawabkan dengan pelbagai amanah dan kewajipan seperti amanah terhadap diri, amanah terhadap keluarga, amanah terhadap agama, amanah terhadap kerja dan tugas, amanah terhadap harta dan sebagainya.

Kita mestilah bersungguh-sungguh berusaha melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan kerana setiap daripada amanah yang kita pikul, pasti akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa’ ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ  
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

### **Muslimin yang dimuliakan,**

Amanah yang sedang kita bicarakan saat ini bukanlah perkara yang kecil dan remeh. Sungguh Allah ada menyatakan dalam al-Quran, bahawa amanah yang dipikul oleh manusia ini ialah suatu tugas yang besar kerana langit, bumi dan gunung-ganang juga enggan menerimanya kerana takut akan amanah yang berat itu.



Sehingga ke hari ini, masih ramai yang bersikap sambil-lewa dalam melaksanakan amanah, berlaku salah guna kuasa yang berleluasa, malahan ada individu yang berlepas tangan daripada tanggungjawab yang diberikan. Mungkin ada daripada kalangan mereka yang telah lupa akan saat mereka melontarkan janji-janji manis sebelum mendapatkan kepercayaan untuk memikul amanah tersebut. Namun, setelah amanah itu diberi, mereka tidak lagi bersungguh-sungguh memenuhi amanah tersebut.

Wajar untuk disebutkan di sini, kedudukan negara kita dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) masih pada tahap yang membimbangkan. Malaysia kini berada pada kedudukan ke-57 daripada keseluruhan 180 buah negara. Kedudukan ini jelas menunjukkan kekurangan kita dalam isu integriti. Semakin banyak kes penyalahgunaan kuasa dan rasuah direkodkan. Sedarilah! Sekalipun kita memperoleh keuntungan dengan jalan yang batil di dunia, kita tetap akan rugi di akhirat. Justeru itu, marilah kita bersama-sama menjauhi sifat buruk tidak amanah. Rasulullah SAW bersabda:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Maksudnya: “Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak setia terhadap janjinya.”

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Semoga dengan mengingati sambutan ulang tahun hari keputeraan Baginda Nabi SAW, setiap daripada kita akan segera sedar dan kembali mencontohi sikap amanah baginda, seterusnya menjadi Muslim yang memiliki sifat amanah. Semoga kita akan kembali kepada Allah SWT dalam keadaan yang diredhai Nya. Ikutilah langkah-langkah berikut, supaya kita istiqamah dalam melaksanakan amanah:

**Pertama:** Beristighfar dan memohon ampun kepada Allah atas kesilapan yang lalu.

**Kedua:** Bersungguh-sungguh menyelesaikan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

**Ketiga:** Meminta nasihat dan berkawan dengan rakan-rakan yang baik serta amanah dalam kerjaya.

**Keempat:** Memohon doa dan kekuatan daripada Allah agar dipermudahkan dan dilancarkan urusan dalam memikul amanah.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلءَ الْأَرْضِ، وَمِلءَ مَا بَيْنَهُمَا وَمِلءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru kepada para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan aqidah ahli sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah-rumah Allah dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah. Basahkanlah lidah kita dengan melazimkan zikrullah, serta selawat dan salam ke atas baginda nabi SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



الْكُورُونَ، وَالْغَلَاءُ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنِ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَنِ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنِ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَاتَنَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ.

**Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

**Ya Allah**, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.